

15 DEC 1999

Isa-Waad

WAAD BOLEH BERI SUMBANGAN, KATA ISA

SEREMBAN, 15 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad hari ini berkata beliau percaya anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Gemencheh Datuk Waad Mansor yang dilantik semula sebagai anggota exco kerajaan negeri masih boleh memberi sumbangan dan menjalankan tugas dengan baik, meskipun ada yang membantah pelantikan itu.

Waad bukan anggota exco yang baru dan dahulupun dia memainkan peranan, katanya kepada pemberita di sini.

Ketika ditanya sama ada khidmat Waad diperlukan dalam exco, beliau berkata semua khidmat diperlukan.

Beliau berkata demikian ketika ditanya tentang anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Lenggeng Datuk Ishak Ismail yang membantah pelantikan semula Waad sebagai exco dengan bertindak keluar ketika istiadat penyerahan watak pelantikan Menteri Besar dan mengangkat sumpah jawatan anggota exco kerajaan negeri di Istana Besar, Seri Menanti, Isnin lepas sebaik sahaja nama Waad diumumkan untuk mengangkat sumpah.

Ishak di dalam akhbar hari ini berkata beliau tidak gentar terhadap kemungkinan dikenakan tindakan disiplin oleh Umno kerana tindakannya keluar daripada istiadat itu.

Ishak telah berkata Waad tidak layak langsung untuk memegang jawatan exco kerana Badan Pencegah Rasuah (BPR) sudah mengemukakan rayuan berhubung keputusan Mahkamah Tinggi di sini yang membebaskan Waad daripada kes tuduhan rasuah.

Mohamed Isa berkata beliau telah lali dengan kritikan-kritikan Ishak.

Mohamed Isa bagaimanapun enggan mengulas ketika didesak beberapa kali oleh pemberita yang bertanyakan beberapa soalan antaranya sama ada Umno negeri akan membincangkan perkara itu atau akan mengambil tindakan terhadap Ishak.

Beliau juga enggan menjawab pertanyaan pemberita apabila ditanya kriteria pemilihan Waad dan ketika ditanya tentang kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama dahulu bahawa wakil rakyat bukan sahaja perlu bersih tetapi mesti juga dilihat bersih.

Waad pula ketika ditemui enggan mengulas mengenai perkara itu sambil berkata "tanyalah kepada Menteri Besar."

Ishak pula ketika dihubungi berkata dengan keadaan Waad pernah dihadapkan ke mahkamah adalah sesuatu keajaiban Waad dipilih sebagai calon bertanding pada pilihan raya umum lepas, dan kini dilantik pula sebagai exco.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno Bahagian Tampin Shaziman Abu Mansor yang juga anggota Parlimen Tampin ketika dihubungi berkata Pemuda Umno Tampin kesal dengan tindakan Ishak mempertikaikan pelantikan Waad.

Katanya tindakan Ishak itu mencabar keputusan pucuk pimpinan parti.

Tindakan Ishak meninggalkan majlis istiadat penyerahan watak pelantikan Menteri Besar dan mengangkat sumpah jawatan anggota exco merupakan perbuatan kurang sopan dan amat memalukan, katanya.

Beliau berkata ia tidak sewajarnya dilakukan oleh seorang pemimpin lebih-lebih lagi istiadat itu merupakan majlis rasmi kerajaan.

-- BERNAMA

AZ AKD